



SEBAHAGIAN petani yang menerima bantuan banjir bergambar bersama Ahmad Shabery Cheek selepas majlis penyampaian bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Agromakanan kepada usahawan tani negeri Kedah dan Perlis di Pendang, Kedah. - BERNAMA

2,167 pengusaha agromakanan terima bantuan bencana

PENDANG 26 Okt. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengagihkan Bantuan Wang Ihsan Bencana Agromakanan berjumlah RM2.45 juta kepada 2,167 petani, penternak, pengusaha akuakultur di seluruh negara yang terjejas akibat banjir pada tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, bantuan tersebut bagi membantu golongan usahawan tani yang mengalami kerugian semasa berdepan bencana tersebut.

"Kementerian sentiasa peka dan prihatin akan masalah serta kerugian yang dihadapi golongan petani dan diharapkan dengan bantuan ini dapat mengurangkan beban yang terpaksa mereka tanggung.

"Sehubungan itu, Jawatankuasa Tindakan Bencana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluluskan bantuan sebanyak RM2.45 juta untuk membantu usahawan tani yang

terjejas.

"Untuk mangsa banjir di Kedah dan Perlis, sebanyak RM2.097 juta telah diagihkan kepada 1,893 penerima," katanya selepas Majlis Penyampaian Bantuan Wang Ihsan Bencana Agromakanan kepada Usahawan Tani Kedah dan Perlis, di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Jabatan Pengairan dan Saliran Kedah, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) turut mengadakan pameran kesiapsagaan bencana yang bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai tentang perseiduaan menghadapi bencana banjir.

Ketika ditemui pemberita, Ahmad Shabery meminta supaya semua pihak lebih bersedia menghadapi bencana banjir bagi mengurangkan kerugian yang terpaksa ditanggung petani dan juga kerajaan.

"Saya gembira dengan per-

siapan yang dibuat MADA untuk menghadapi bencana banjir. Konsep siap siaga ini perlu dilaksanakan oleh setiap agensi berkaitan di semua peringkat seperti yang dilakukan MADA yang telah menyediakan pam penyedut air dan melaksanakan sistem amaran awal banjir untuk mengawal pintu pelepasan air.

"Jika langkah awal ini diambil, air boleh dikawal daripada melimpah (ke sawah). Tanpa persediaan, limpahan air boleh merosakkan tanaman yang akhirnya menyebabkan Kerajaan perlu berbelanja besar untuk membayar wang ihsan (kepada petani terjejas)," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Shabery mengingatkan semua penduduk terutamanya petani di kawasan Pantai Timur dan utara Semenanjung supaya mengambil langkah bersiap sedia dalam menghadapi bencana banjir bagi mengelakkan kerosakan harta benda dan keselamatan nyawa.

UM
22/10/16